

SMK Ibrahim Fikri juara dikir bahasa Inggeris

KUALA TERENGGANU 25 April - Pasukan dikir barat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri di sini menjuarai pertandingan Kuala Terengganu 'Western Dikir Showdown 2014' (KTWDS'14) yang pertama kali diadakan, baru-baru ini.

Program anjuran Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah itu bertujuan menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris secara kreatif, santai dan menghiburkan.

Guru Penasihat pasukan SMK Ibrahim Fikri, **Che Mohd. Nawawi Mustapha** berkata, meskipun hanya tiga minggu berlatih, ia sudah cukup berbaloi dengan kemenangan yang diraih, selepas mengatasi tiga buah sekolah menengah lain di daerah ini.

"Kami sangat bersyukur dan begitu gembira apabila dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan yang unik ini walaupun saingan daripada peserta sekolah yang bertanding pada hari ini begitu sengit.



PELAJAR yang mewakili SMK Ibrahim Fikri gembira setelah diumumkan juara pertandingan 'Western Dikir Showdown 2014' di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

"Kesungguhan serta kerjasama antara ahli kumpulan menjadikan kami juara dan mereka tidak malu mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris," katanya ketika ditemui selepas majlis berkenaan.

Kata beliau, persembahan dikir barat dalam bahasa Inggeris bukannya mudah kerana ia memerlukan penyampaian yang jelas dan sekata selain dendangan yang memikat.

"Pasukan yang dibentuk ini ternyata dapat menghibur dan meriahkan pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan juga masyarakat setempat," katanya.

SMK Ibrahim Fikri membawa pulang wang tunai RM350, hamper dan sijil penyertaan manakala naib johan disandang oleh SMK Bukit Tunggul dan SM Sains Kuala Terengganu di tempat ketiga.

UTUSAN MALAYSIA 26/04/14